

8 MAC 2018

Suami isteri lalok depan enam anak

Georgetown

Suami isteri lalok depan enam anak

Sebagai ibu bapa, mereka sepatutnya memberi contoh yang baik kepada anak.

Namun, lain pula jadinya apabila suami isteri berusia 46 dan 37 tahun tergamak menghisap dadah di depan enam anak mereka tanpa sedikit pun rasa bersalah.

Perbuatan tidak bermoral pasangan itu di depan anak berusia lapan hingga 19 tahun terbongkar apabila ditahan dalam operasi dilakukan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang di Teluk Kumbar, di sini, kelmarin.

Difahamkan, ketika ditahan, pasangan berkenaan lalok kerana menghisap dadah jenis methamphetamine.

Perbuatan tidak bermoral itu dikesan dilakukan di depan anak mereka di ruang tamu.